

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TAJUK : TEKNOLOGI HIJAU ATASI PERUBAHAN IKLIM
TARIKH : 21 JUN 2011 (SELASA)

Teknologi hijau atasi perubahan iklim

KUALA LUMPUR 20 Jun - Penggunaan teknologi hijau secara cekap mampu mengurangkan serta menyerap isu yang dibangkitkan daripada masalah perubahan iklim, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui.

Menurutnya, matlamat kerajaan dalam melaksanakan teknologi hijau itu tidak terhad kepada penggunaan tenaga secara cekap malah bagaimana untuk bebas daripada penggunaan tenaga.

"Justeru, penggunaan tenaga yang cekap perlu dipertingkatkan ke tahap yang lebih mapan bagi membantu hasrat negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Teknologi Hijau di sini hari ini.